

**MENILAI PERANAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN DALAM
PROGRAM KITAR SEMULA
KAJIAN KES: MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (MBJB)**

NORHEDAWATIE BINTI ZAINUDIN

Latihan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda
Perancangan Bandar dan Wilayah

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

SEPTEMBER, 2002

ABSTRAK

Program Kitar Semula merupakan salah satu cara untuk mengurangkan penjanaaan sisa pepejal. Malah, negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom telah melaksanakan program ini di negara masing-masing. Pelbagai cara pelaksanaan yang digunakan seperti pengutipan Kerbside, Pusat Kitar Semula dan sebagainya. Terdapat beberapa proses yang terlibat dalam kitar semula iaitu pengutipan, pengasingan, pemungutan, pemprosesan dan pasaran. Pelbagai faedah yang boleh diperolehi daripada program kitar semula ini seperti meminimumkan penggunaan tapak pelupusan sampah, memberikan sumber pendapatan serta mewujudkan peluang pekerjaan untuk suatu kawasan. Malah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melancarkan Hari Kitar Semula Kebangsaan pada 11 November 2001 serta melaksanakan Fasa I (2000) dan Fasa II (2001) bagi program kitar semula untuk melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) secara serius dalam program tersebut. Ini adalah rentetan daripada kegagalan 13 PBT mengawalselia program kitar semula pada tahun 1993 termasuklah Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB). Oleh itu, MBJB telah terpilih sebagai pelopor bagi kempen kitar semula untuk Negeri Johor pada Mac 2001. Namun, peranan yang dimainkan oleh MBJB masih kurang memuaskan. Hasil kajian menunjukkan MBJB tidak mempunyai garis panduan bagi membantu dalam melaksanakan program kitar semula. Tambahan pula, MBJB tidak mempunyai matlamat sasaran bagi program ini. Program dan promosi yang dijalankan oleh MBJB adalah tidak menyeluruh dan tiada kerjasama yang melibatkan agensi lain yang dibuat selain daripada KPKT dan SWM. Selain daripada itu, MBJB tidak mempunyai sumber kewangan untuk membiayai program yang dirancang. Ini menyebabkan program kitar semula kurang mendapat sambutan daripada orang ramai di samping tidak mempunyai unit yang bertanggungjawab yang bertindak sebagai pusat informasi. Oleh itu, pelan perancangan dan pengurusan sisa pepejal bersepadu perlu dirangka di peringkat persekutuan dalam bentuk polisi dan strategi untuk memandu arah PBT dalam menangani masalah penjanaaan sisa pepejal yang semakin meningkat. Garis panduan perlu dilaksanakan di MBJB sebagai panduan dan rujukan untuk melaksanakan program kitar semula selaras dengan matlamat KPKT. Selain daripada penyediaan garis panduan, kerjasama dengan agensi selain *Players/* Pelaku Utama adalah penting untuk mendapatkan sokongan dan pandangan terutamanya dalam menangani masalah penjanaaan sisa pepejal dan masalah alam sekitar yang lain. Peranan MBJB sebagai pemantau, penasihat dan pelaksana perlulah dipertingkatkan dalam menjayakan program kitar semula sehingga ia menjadi amalan kepada orang ramai pada masa akan datang dalam menghargai alam sekitar.

ABSTRACT

The recycle program is a way of reducing the amount of waste. Developed country such as United State and United Kingdom has already implemented this program. There are various ways of implementation has been use such as curbside collection, recycling center and etc. There are certain process involve in recycle such as collecting, detaching, processing and market. Recycling program can give such a diversity benefit such as to minimize the usage of landfill area, revenue sources and develop job opportunity for certain area. Ministry Of Housing and Local Authority (KPKT) has launched National Recycle Day on November 11 2001 and Phase 1 and Phase 2 program has been implemented. It is also for encourage local authority serious participation. This is due to the unsuccessful program from the 13 local authorities in monitoring the program in year 1993 which is including Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB). In Mac 2001, MBJB has appointed to be the exponent for the recycle program for Johor state level. But MBJB does not play a good role in conducting this program. This study shown that there is no guideline to help this program been done successfully. In addition, MBJB has no aims and target for this program. There are also no program and promotion done by MBJB and no cooperation among the agencies. Beside that, MBJB do not have enough budgets for sponsor this program. As a result, there is lack of public participation and unit in charge as information center. Therefore, a combination framework of solid waste planning and management has to be done by the federal level by carried out strategy and policy in order to control the incensement of solid waste. Guideline should be implementing by MBJB as a reference for the recycle program. Besides, support and idea from the actor is important to solve this environment issues. MBJB plays a role as a monitor, an adviser and a performer for the successful recycle program.